

PETIKAN TITAH

"DI ANTARA ancaman-ancaman sosial itu ialah menyangkut perkara-perkara jenayah, penyalahgunaan dadah serta pelanggaran terhadap undang-undang dan agama. Semuanya ini menjadi punca penyakit di



MANISNYA IMAN

"SESUNGGUHNYA persoalan pertama yang akan ditanya (dipertanggungjawabkan) ke atas manusia pada Hari Kiamat adalah sembahyangnya. Jika sembahyangnya baik, maka dia termasuk orang yang bahagia dan

R abu

18 Mei 2005
9 Rabiulakhir 1426
Tahun 50 Bilangan 20

[Berita Utama](#)[Berita Ringkas](#)[Haluan](#)[Dari Sidang Pengarang](#)[Analisis](#)[Sorotan](#)[Melirik Masa Silam](#)[Aneka Rencana](#)[Fokus](#)[Suara Dari Mimbar](#)[Menuju Keredaan Allah](#)[Bicara IT](#)[Teropong Pelita](#)[Minda Pembaca](#)[Remaja](#)[Menjana Kesihatan](#)[Biskita](#)[Pendidikan](#)[Menyusur Mukim dan](#)[Kampung](#)[Sukan Arafura 2005](#)[Arena Sukan](#)[Iklan-iklan Jawatan](#)[Kosong](#)[Iklan-iklan Tawaran](#)[Arkib](#)**TAHUKAH AWDA?**

SEJAK konvokesyen pertama hingga konvokesyen keenam belas, Universiti Brunei Darussalam telah menghasilkan 4,973 orang graduan wanita dalam pelbagai program di peringkat doktor falsafah, sarjana, ijazah pertama, diploma lepasan ijazah, diploma dan sijil. Tahun 1989 (156); 1990 (151); 1991 (128); (156); 1993 (148); 1994 (172); 1995 (250); 1996 (238); 1997 (214); 1998 (236); 1999 (295); 2000 (377); 2001 (445); 2002 (716); 2003 (630); dan 2004 (661). - Sumber : Pusat Teknologi Informasi Komunikasi (ICT), Universiti Brunei Darussalam. (Mei, 2005).

*Pelita Brunei Online
Jabatan Penerangan
Jabatan Perdana Menteri*

Alamat e-mail:
[Pelita Brunei](#)

HALUAN



TITAH Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Haji Hassanal Bolkiah Mu'izzaddin Waddaulah ibni Al-Marhum Sultan Haji Omar 'Ali Saifudeien Sa'adul Khairi Waddien, Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam semasa keberangkatan lawatan negara ke Malaysia pada 27 - 30 April 2005.

BRUNEI SENTIASA BERUSAHA MENJADI NEGARA BERDAYA SAING

*Assalamualaikum Warahmatullahi Wabarakatuh
Bismillahir Rahmanir Rahim*

ALHAMDULILLAH! Rabbil 'Aalameen, Wabihee Nasta'eenu 'Alaa Umuuriddunya Waddeen, Wassalaatu Wassalaamu 'Ala Asyrafil Mursaleen, Sayyidina Muhammaddin, Wa'alaa Aalihiee Wasahbihee Ajma'een, Waba'du.

Paduka Kekanda Yang Maha Mulia Seri Paduka Baginda Yang Di-Pertuan Agong Malaysia, Tuanku Syed Sirajuddin Jamalullail ibni Al-Marhum Tuanku Syed Putra Jamalullail.

Paduka Kekanda Yang Maha Mulia Seri Paduka Baginda Raja Permaisuri Agong Malaysia, Tengku Fauziah binti Al-Marhum Tengku Abdul Rashid, Yang Amat Berhormat Dato' Seri Abdullah Ahmad Badawi, Perdana Menteri, Yang Amat Berbahagia Datin Seri Endon, para tetamu kenamaan, para hadirin dan hadirat sekalian.

Paduka Adinda dan Paduka Adinda Raja Isteri dengan segala tulus ikhlas mengucapkan setinggi-tinggi terima kasih kepada Paduka Kekanda berdua dan Kerajaan Malaysia di atas jemputan kepada Paduka Adinda berdua untuk membuat lawatan negara pada tahun ini.

Paduka Adinda berdua sangatlah gembira di atas sambutan yang begitu mesra yang diberikan kepada Paduka Adinda berdua berserta rombongan.

Padukan Kekanda, hubungan negara kita adalah merupakan hubungan kekeluargaan yang sangat rapat yang telah terjalin sejak sekian lamanya.

Ia amat wajar dipelihara dan dipupuk menerusi pelbagai kerjasama serta juga budaya kunjung-mengunjungi. Dengan cara ini akan membolehkan kita sentiasa dapat berbincang serta bersilaturahim.

Paduka Kekanda, rakyat dan penduduk negara kita sama-sama beruntung dapat menikmati suasana aman dan damai. Ia adalah laluan mudah kurnia dari Allah untuk kita dapat membangunkan negara tanpa gangguan.

Paduka Adinda turut berbangga menyaksikan kemajuan dan kejayaan yang dicapai oleh negara Paduka Kekanda ketika ini.

Seperti Malaysia, negara Paduka Adinda, Brunei Darussalam juga sentiasa berusaha untuk menjadi negara yang berdaya saing dan berdaya maju.

Maka ke arah ini, kedua-dua negara kita selayaknya meningkatkan kerjasama di dalam pelbagai bidang termasuklah bidang pertahanan, pendidikan, industri pembuatan tenaga dan pertanian.

Kita juga telah mengenal pasti ciri-ciri kelebihan atau keistimewaan negara kita untuk menjadi pusat perbankan Islam dan pusat pengeluar terbesar makanan halal. Kedua-dua bidang ini berpotensi besar selaku pelaburan moral dan material bagi negara.

Pendeknya, dalam usaha dan langkah membangun, kedua-dua buah negara kita boleh bergabung tenaga, fikiran dan sumber. Insya-Allah, dengan kerjasama yang sedemikian itu, negara kita akan dapat memperkasa daya tahan dan daya saing ekonomi masing-masing.

Paduka Kekanda, dunia kini sedang dilanda oleh pelbagai bencana dan cabaran, sama ada bencana alam atau bencana perbuatan manusia.

Di dalam situasi ini, kita juga memerlukan kerjasama untuk menangani permasalahan-permasalahan tersebut, seperti permasalahan jenayah merentas sempadan, konflik politik dan isu-isu kemanusiaan.

Kesanggupan negara kita misalnya, dalam menyediakan Pasukan Pemerhati Antarabangsa (IMT) di Selatan Filipina adalah satu testimoni bahawa kita dapat berganding bahu dan bersatu tenaga dalam menangani masalah serantau.

Demikian juga sifat bekerjasama dan saling membantu itu telah wujud semasa bencana gempa dan gelombang besar tsunami.

Ini semua adalah petanda baik yang perlu dipupuk dan diperluaskan dari masa ke semasa.

Secara umumnya, Paduka Adinda amatlah menyanjung tinggi peranan yang telah dimainkan oleh kerajaan Paduka Kekanda dalam menerajui Pertubuhan Persidangan Islam (OIC), Pergerakan Negara-negara Berkecuali (NAM) dan pada akhir tahun ini menganjurkan Sidang Kemuncak Asia Timur (EAS) akhir tahun ini.

Pendeknya, usaha-usaha Malaysia dalam menangani permasalahan serantau dan global adalah meyakinkan.

Paduka Kekanda, dalam kesempatan ini, Paduka Adinda tidak lupa merakamkan penghargaan kepada lebih 17,000 rakyat Malaysia yang sedang berkhidmat di Negara Brunei Darussalam. Perkhidmatan mereka itu - sedikit sebanyaknya - dapat membantu pembangunan negara Paduka Adinda.

Untuk akhirnya, Paduka Adinda dan Paduka Duli Raja Isteri sekali lagi ingin menyampaikan penghargaan dan terima kasih kepada Paduka Kekanda berdua, kerajaan dan seluruh rakyat Malaysia di atas layanan yang begitu baik lagi mesra yang diberikan kepada Paduka Adinda berdua berserta rombongan.

Paduka Adinda berdo'a semoga Paduka Kekanda berdua dan seluruh kerabat diraja serta pemimpin-pemimpin negara Malaysia berada dalam sejahtera, diberi hidayah dan kekuatan. Begitu juga negara dan rakyat Malaysia seluruhnya beroleh keamanan dan kemakmuran yang berpanjangan.

Sekian, Wabillahit Taufik Walhidayah, Wassalamualaikum Warahmatullahi Wabarakatuh.